


**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

21 APRIL 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 85 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,217 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Beluran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 417 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 359,483 orang. Manakala 180 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 178 orang di hospital, dua (2) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC). Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 10 orang merangkumi sembilan (9) di ICU/repurposed kritikal care serta tsatu (1) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan bertukar dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Jingga 10 daerah
- Zon Merah lapan (8) daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah jangkitan baharu bertambah dua (2) kes berbanding jumlah kelmarin untuk menjadikan jumlah kes Negeri Sabah hari ini sebanyak 85 kes.
- b. Walaupun terdapat sedikit pertambahan pada angka jangkitan secara keseluruhan tetapi 12 daerah mencatatkan penurunan kes baharu berbanding lapan (8) daerah yang mencatatkan peningkatan jangkitan baharu. Tujuh (7) daerah lagi kekal sebagaimana catatan semalam.
- c. Kota Kinabalu kekal mencatat angka jangkitan baharu dua angka dengan 27 kes (+14) juga daerah Tuaran yang mencatat 14 kes (+9). Sebanyak 15 daerah mencatatkan kes baharu satu (1) angka dengan 13 daripada daerah-daerah tersebut hanya mencatatkan kes baharu antara satu (1) hingga empat (4) kes. Tidak ada jangkitan baharu dilaporkan di 10 daerah lain dalam tempoh 24 jam yang lalu.
- d. Seramai 81 orang daripada 85 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, seorang (1) pesakit dalam Kategori 3, dua orang (2) dalam Kategori 4 dan seorang (1) dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------|--------------|-------------|
| 1 | Kluster | 0 | 0.00% |
| 2 | Kontak | 18 | 21.18% |
| 3 | Bergejala | 49 | 57.65% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 18 | 21.17% |
| JUMLAH | | 85 | 100% |

- b.** Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (20 April 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 20/04/2022 | Catatan Kes 21/04/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Kota Kinabalu | 13 | 27 | +14 |
| 2 | Tuaran | 5 | 14 | +9 |
| 3 | Tambunan | 0 | 4 | +4 |
| 4 | Kota Marudu | 2 | 5 | +3 |
| 5 | Lahad Datu | 2 | 4 | +2 |
| 6 | Kuala Penyu | 0 | 2 | +2 |
| 7 | Kota Belud | 1 | 2 | +1 |
| 8 | Tongod | 0 | 1 | +1 |
| 3 | Beluran | 2 | 2 | Mendatar |
| 10 | Kalabakan | 0 | 0 | Mendatar |
| 11 | Beaufort | 0 | 0 | Mendatar |
| 12 | Telupid | 0 | 0 | Mendatar |
| 13 | Putatan | 0 | 0 | Mendatar |
| 14 | Pitas | 0 | 0 | Mendatar |
| 15 | Sipitang | 0 | 0 | Mendatar |
| 16 | Penampang | 9 | 3 | -6 |
| 17 | Tawau | 8 | 4 | -4 |
| 18 | Sandakan | 10 | 7 | -3 |
| 19 | Papar | 6 | 3 | -3 |
| 20 | Keningau | 5 | 2 | -3 |
| 21 | Ranau | 3 | 0 | -3 |
| 22 | Semporna | 4 | 1 | -3 |
| 23 | Kudat | 4 | 2 | -2 |
| 24 | Nabawan | 2 | 0 | -2 |
| 25 | Kunak | 2 | 0 | -2 |
| 26 | Kinabatangan | 2 | 0 | -2 |
| 27 | Tenom | 3 | 2 | -1 |
| JUMLAH | | 83 | 85 | +2 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|-----------------------|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 5 | 19 | 0 | 3 | 27 | 361 |
| Tuaran | 0 | 5 | 6 | 0 | 3 | 14 | 91 |
| Sandakan | 0 | 1 | 4 | 0 | 2 | 7 | 124 |
| Kota Marudu | 0 | 4 | 1 | 0 | 0 | 5 | 30 |
| Tawau | 0 | 0 | 3 | 0 | 1 | 4 | 76 |
| Lahad Datu | 0 | 0 | 2 | 0 | 2 | 4 | 30 |
| Tambunan | 0 | 0 | 4 | 0 | 0 | 4 | 23 |
| Penampang | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 | 136 |
| Papar | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 3 | 102 |
| Kota Belud | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | 22 |
| Tenom | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | 48 |
| Kuala Penyu | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | 33 |
| Beluran | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 2 | 10 |
| Kudat | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 34 |
| Keningau | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 | 2 | 28 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 4 |
| Semporna | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 17 |
| Beaufort | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 72 |
| Putatan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 37 |
| Ranau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 30 |
| Pitas | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 12 |
| Sipitang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 19 |
| Telupid | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 21 |
| Kunak | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 |
| Nabawan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 |
| Kinabatangan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| JUMLAH | 0 | 18 | 49 | 0 | 18 | 85 | 1388 |

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 1,233 unit.
- Hospital 1,181 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 24 unit
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 14.60 %.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 21 APRIL 2022

i.Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|-----------|
| Tempatan | 83 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 2 |
| Jumlah | 85 |

ii.Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|-----------|
| Malaysia | 78 |
| Bukan Malaysia | 7 |
| Jumlah | 85 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------------------|-----------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 1 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 6 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 4 |
| Menerima 1 Dos | 1 |
| Lengkap 2 Dos | 39 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 34 |
| Jumlah | 85 |

Iv.Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|-----------|
| <1 | 0 |
| 1-4 | 1 |
| 5 -11 | 7 |
| 12-17 | 26 |
| 18-29 | 19 |
| 30-39 | 13 |
| 40-49 | 7 |
| 50-59 | 5 |
| 60-69 | 5 |
| 70-79 | 1 |
| 80-89 | 1 |
| >90 | 0 |
| Jumlah | 85 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 20 April 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 4,361 orang. Daripada jumlah ini, seramai 894 orang adalah penduduk dewasa, 236 orang adalah penduduk remaja dan 3,231 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 20 April 2022 adalah seramai 2,575,367 orang. Ini meliputi 2,134,102 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.56% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,439,667 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,525 orang atau 76.99% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,169 orang atau 78.41% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 318,120 atau 74.64% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 107,096 atau 26.03% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 30,022 atau 7.30% orang.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 236 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 50 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 650 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 181 premis perniagaan dan 234 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 152 Premis Perniagaan melibatkan 49 anggota APM.
- 4 Sejumlah 52 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 195 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP PROSEDUR OPERASI STANDARD SEMASA (MYSOP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap prosedur operasi standard semasa (MYSOP) pada hari ini ialah **98.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Semporna | 99% |
| 2 | Kota Belud | 98.8% |
| 3 | Kinabatangan | 98.8% |
| 4 | Kunak | 98.8% |
| 5 | Beluran | 98.6% |
| 6 | Ranau | 98.6% |
| 7 | Tenom | 98.6% |
| 8 | Beaufort | 98.6% |
| 9 | Lahad Datu | 98.6% |
| 10 | Keningau | 98.5% |
| 11 | Kudat | 98.5% |
| 12 | Kota Marudu | 98.5% |
| 13 | Sipitang | 98.4% |
| 14 | Kota Kinabalu | 98.4% |
| 15 | Papar | 98.3% |
| 16 | Tawau | 98.3% |
| 17 | Sandakan | 98.3% |
| 18 | Penampang | 98.3% |
| 19 | Tuaran | 98.2% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**